

30 SEP 1998

Mahathir-polis

MAHATHIR JAMIN DAKWAAN ANWAR DICEDERA POLIS DISIASAT SEPENUHNYA

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata siasatan sepenuhnya akan dijalankan terhadap dakwaan Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa dia cedera akibat dipukul polis semasa dalam tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Katanya tindakan sewajarnya akan diambil ke atas pihak polis yang terbabit jika siasatan menunjukkan ada kebenaran dalam dakwaan Anwar.

Sehingga itu, tiada pihak seharusnya tergesa-gesa membuat tuduhan mengenai kekejaman polis atau "police brutality" terhadap pasukan polis negara, kata beliau pada persidangan akhbar di pejabatnya di Jalan Dato' Onn.

Dr Mahathir berkata perkara yang timbul itu juga tidak harus mengganggu proses pengadilan terhadap Anwar yang dihadapkan ke Mahkamah Sesyen semalam untuk menghadapi sembilan tuduhan -- lima berhubung rasuah dan empat lagi mengenai salahlaku seks.

Anwar, yang mata kirinya kelihatan lebam apabila muncul buat pertama kali di khalayak ramai selepas penahanannya 20 Sept lepas, memberitahu mahkamah beliau telah ditumbuk dan ditampar oleh polis sehingga mata kirinya cedera, hidungnya berdarah dan bibirnya pecah.

Ditanya tentang kemungkinan Anwar mencederakan dirinya sendiri bagi meraih simpati dan mengiakan dakwaannya bahawa dia akan diseksa apabila ditangkap, Dr Mahathir berkata ini bukan sesuatu yang mustahil.

"Menurut beberapa pihak, ini bukan sesuatu yang mustahil kerana kerana dia akan dapat banyak 'mileage' kalau dapat tunjukkan dianya didera pihak polis," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga tidak menolak kemungkinan kecederaan Anwar dialami setelah beliau membuat provokasi terhadap polis sehingga menyebabkan polis terpaksa menahannya.

"Kalau nak kata dia rancang tak rancang saya tak berani kata, tetapi ada kemungkinan dia sengaja membuat sesuatu sehingga menyebabkan polis cuba menahannya ... daripada memberontak atau membuat sesuatu yang menyebabkan polis menggunakan kekerasan ... mungkin dalam proses itu juga akan terjadi kecederaan yang kita lihat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Anwar seorang yang cekap dalam perkara ini dan beliau telahpun mendakwa melalui isterinya Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail bahawa nyawanya terancam apabila ditahan di bawah ISA.

"Isterinya berkata nyawa Anwar dalam keadaan bahaya dan kali ini kita lihat dia ada tanda-tanda cedera ... kenapa? Kenapa dia dipukul, kalau benar dia dipukul?"

"Daripada segi Datuk Seri Anwar, ini satu keuntungan baginya kerana ternampak bahawa dia sudahpun mengalami apa yang awal-awal lagi dia telah ramalkan ... ramalannya ialah kalau dia ditangkap, maka dia akan diseksa."

Perdana Menteri berkata tiada pihak seharusnya membuat tanggapan bahawa kecederaan Anwar semestinya disebabkan oleh polis dalam usaha mereka untuk mendapatkan sesuatu daripadanya.

Katanya banyak orang lain seperti ketua pembangkang Lim Kit Siang dan malah Anwar sendiri pernah ditahan polis sebelum ini dan tiada sebarang laporan dibuat oleh mereka bahawa mereka dcedera atau diapa-apakan.

"Banyak orang masuk tahanan polis tetapi tidak ada bukti mereka (polis) lakukan kecederaan sebagai (sebahagian) proses mereka," kata Dr Mahathir.

"Saya tak nampak sesuatu faedah pun kepada polis untuk membuat sesuatu kepada Anwar kerana mereka tidak perlu mendapatkan pengakuan atau

'confession' daripadanya.

"Polis juga tahu bahawa mereka akan hadapkan Anwar ke mahkamah dan sudah tentu apabila dibawa ke mahkamah dan dia didapati cedera, ini akan menimbulkan tuduhan-tuduhan terhadap polis."

Namun demikian, Perdana Menteri menegaskan kerajaan tidak akan terima sebarang tindakan polis yang tidak dibenarkan di bawah undang-undang.

"Mereka tidak boleh membinasakan tahanan mereka walaupun dalam proses soal menyoal atau lain-lain," kata Dr Mahathir yang percaya perkembangan terakhir dalam kes Anwar ini akan ditonjolkan oleh media asing bagi memperkukuhkan dakwaan mereka bahawa kerajaan Malaysia adalah diktator.

Katanya media asing juga akan cuba memesongkan perhatian umum daripada perbicaraan Anwar dengan dakwaan-dakwaan kekejaman polis.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata siasatan terhadap dakwaan Anwar telah diarahkan oleh Peguam Negara dan akan dijalankan oleh sebuah pasukan khas yang terdiri daripada para pegawai polis yang tiada kaitan dengan Cawangan Khas bagi memastikan kebebasannya.

Beliau menekankan bahawa kebanyakan anggota polis adalah profesional dan ingin membuktikan bahawa mereka membuat sesuatu mengikut prinsip profesionalisme mereka. -- Bernama